

87 mahasiswa UNISSA tamat Kursus Intensif Bahasa Arab

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu 20 Mei. - Seramai 87 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berjaya menamatkan Kursus Intensif Bahasa Arab bagi sesi akademik 2017/2018.

Lima daripada mereka dianugerahkan sebagai pelajar terbaik kursus, iaitu Dayangku Siti Ramizah binti Pengiran Haji Rusjdi, Dayang Nurul Faten Aqilah binti Rosli, Dayang Nurlina Shazlina binti Ali, Dayangku Siti Ramziah binti Pengiran Haji Rusjdi dan Dayang Hajah Siti

Khadijah Mariah binti Abu Samah.

Kursus yang diungkuhkan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) selama dua bulan itu bertujuan untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan pembelajaran serta mendorong para pelajar untuk terus cemerlang dalam mengikuti kursus yang mereka ikuti sepanjang pengajian di UNISSA.

Majlis penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal yang berlangsung di

Dewan Jubli, UNISSA, Gadong.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh dan drama yang dipersembahkan oleh para peserta program pra-sesi sebelum majlis penyampaian sijil kursus.



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (tiga, kiri) semasa hadir pada Majlis Penutup Kursus Intensif Bahasa Arab bagi sesi akademik 2017/2018.

Karnival Hari Keluarga SM YSHHB



PENGETUA Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Chong Li Chen semasa melawat gerai-gerai jualan daripada para pelajar sekolah berkenaan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Mei. - Hari Keluarga Kebangsaan di negara ini adalah sebagai pengiktirafan terhadap kepentingan peranan institusi keluarga yang kukuh dan harmoni dalam pembentukan sesebuah masyarakat yang berdaya tahan dan berdaya maju.

Sehubungan itu, bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Keluarga tahun ini, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB), telah mengadakan Karnival Hari Keluarga yang berlangsung di ruang legar sekolah berkenaan, di sini.

Antara matlamat dan objektif karnival itu ialah bagi mewujudkan persefahaman di kalangan pelajar, guru, kakitangan di samping mewujudkan semangat jati diri dan semangat kekitaan dan perpaduan dalam kehidupan berkeluarga dengan sama-sama menghadapi cabaran, perjuangan dan kejayaan di masa depan.

Terdahulu, karnival dirasmikan dengan acara pemotongan reben oleh Pengetua SM YSHHB, Chong Li Chen.

Karnival turut diisikan pelbagai aktiviti termasuk jualan makanan dan minuman.



PARA pelajar Sekolah Menengah Yayasan SHHB yang menyertai jualan semasa Karnival Hari Keluarga tersebut.

Lebih 20 kenderaan terbiar di Daerah Belait dialihkan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengangkutan Darat

DAERAH BELAIT, Sabtu, 20 Mei. - Operasi pengalihan lebih 20 kenderaan terbiar di Daerah Belait yang diadakan merupakan salah satu lagi tindakan Jawatankuasa kempen bagi menjalankan kuasa Seksyen 84 Akta Lalu Lintas Penggal 68, iaitu kuasa mengalih kenderaan-kenderaan terbiar yang sudah lama ditinggalkan di kawasan yang dinyatakan di atas ke tempat penaruhan sementara sebelum proses-proses selanjutnya, iaitu pembatalan pendaftaran dan pelupusan jika kenderaan tidak dituntut oleh pemilik mutlak kenderaan-kenderaan berkenaan.

Hadir pada kempen tersebut ialah pegawai-pegawai daripada Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Jabatan Daerah Belait, Jabatan Bandaran Kuala Belait, JASTRe dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang meliputi kawasan-kawasan Kuala Belait, Seria dan Lumut.

Sejak awal tahun ini, sejumlah 180 kenderaan terbiar telah dilaporkan dan dipantau di seluruh negara. 62 buah di Daerah Brunei Muara, 32 di Daerah Tutong, 76 di Daerah Belait dan selebihnya di Daerah Temburong. Dari jumlah ini, lebih 50 buah telah dialih (termasuk yang telah dialih pada hari ini), manakala yang selebihnya telah dipindah sendiri oleh pemilik kenderaan dan pemilik berjanji untuk

memindah sendiri setelah mereka dihubungi.

JPD dan jawatankuasa kempen ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pemilik kenderaan yang telah memindah kenderaan mereka secara sukarela, manakala bagi pemilik kenderaan yang berjanji untuk memindahkan kenderaan terbiar mereka supaya akan dapat memastikan kenderaan mereka dipindah pada masa yang telah dijanjikan.

Pihak Agensi-Agensi Berkuasa yang berkenaan akan memantau kenderaan mereka itu, dan sekiranya GAGAL memindahkan kenderaan mereka seperti dijanjikan, kenderaan itu akan dialih TANPA NOTIS dan tindakan kompaun akan dikenakan kepada pemilik kenderaan berkenaan.

Kempen berkenaan akan diteruskan lagi di Daerah Temburong dan juga beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong pada minggu hadapan dan minggu-minggu seterusnya.

Jawatankuasa berkenaan juga memerlukan kerjasama dari orang ramai, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta bengkel-bengkel seluruh negara agar memastikan kempen tersebut berjalan lancar.

Jawatankuasa 'Nationwide Environmental Clean-up Project on

Abandoned Vehicles leading to the Deregistration of those Vehicles' sekali lagi ingin mengingatkan bahawa di bawah bab 12 (1) f (i) Akta Kesalahan Kecil Penggal 30 daripada agensi-agensi yang diberi kuasa untuk mengeluarkan notis kepada bengkel-bengkel atau pemilik kenderaan atau tuan punya kawasan berkenaan untuk memindahkan kenderaan-kenderaan mereka yang telah lama ditinggalkan terbiar.

Jika didapati pemilik kenderaan atau badan-badan lain seperti kedai-kedai atau bengkel-bengkel yang tanpa kebenaran yang sah, meninggalkan di atas mana-mana bahagian jalan raya atau di atas sebarang kawasan tanah lapang, akan dikenakan denda tidak melebihi BND500.00 setiap kenderaan dan boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta dan dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret. Jika disabit kesalahan, boleh dikenakan denda sebanyak BND1,000.00, dan dalam hal saat disabitkan selepas penjara dan denda BND3,000.00 atau untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan.

Peringatan ini juga merupakan penekanan berterusan susulan dari peringatan-peringatan yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa dan Agensi-Agensi Pihak Berkuasa sebelum ini.



SALAH sebuah kereta sedang dipindah oleh pihak berkuasa.